

1

Pada tahun 1922, pengkaji Mesir Purba Howard Carter menemui mayat Tutankhamun II yang diselaputi emas.

Merujuk pernyataan di atas, apakah kesimpulan yang dapat dibuat?

- A Konsep kehidupan selepas mati
- B Membuktikan kekayaan negara
- C Percaya kepada kelahiran semula
- D Melambangkan keagungan pemerintah

2 Perkembangan yang pesat dalam perancangan bandar berlaku dalam tamadun Indus.

Apakah faktor yang mendorong perkembangan tersebut?

- A Kemajuan bidang sistem pengangkutan
- B Kejayaan kegiatan meneroka tanah
- C Keperluan kawasan pentadbiran
- D Kemahiran ilmu geometri

3 Apakah kepentingan kandungan karya *The Art of War* oleh Sun Tzu kepada masyarakat hari ini?

- A Menerangkan sistem perundangan
- B Membantu pelaksanaan peperiksaan awam
- C Mengatur strategi perniagaan
- D Menentukan bentuk hubungan luar

4 Alexander The Great ialah tokoh yang terkenal dalam sejarah tamadun Yunani.

Antara berikut yang manakah sumbangan beliau?

- A Menubuhkan kerajaan republik
- B Menyebarluaskan kebudayaan Hellenistik
- C Memperkenalkan kalender Gregoria
- D Mengembangkan ilmu astronomi

5 Plato, Aristotle dan Socrates merupakan tokoh-tokoh yang bergiat dalam bidang yang sama.


Apakah sumbangan ketiga-tiga tokoh tersebut?

- A Menyebarluaskan agama Kristian
- B Memperkenalkan bidang geometri
- C Mengembangkan ilmu falsafah
- D Memajukan ilmu kaji bintang

6 Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan Angkor menjadi sebuah kerajaan yang ulung di Asia Tenggara?

- I Berhampiran tasik Tonle Sap
 - II Iklim sesuai untuk pertanian
 - III Kemajuan perancangan bandar
 - IV Terlindung daripada bencana alam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7 Rajah berikut menunjukkan tahap perkembangan sesebuah pelabuhan dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.



Pelabuhan X dalam rajah di atas ialah

- A pelabuhan nelayan
 - B pelabuhan bebas
 - C pelabuhan tempatan
 - D pelabuhan kerajaan
- 8 Nabi Muhammad SAW diamanahkan oleh pemimpin Arab Quraisy untuk meletakkan Hajar Aswad ke tempat asalnya.

Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada masyarakat Arab?

- A Penyebaran Islam di Makkah
 - B Perbalahan antara kaum dielakukan
 - C Perkembangan perdagangan di Makkah
 - D Perlantikan pemimpin dari kalangan orang Islam
- 9 Apakah isi kandungan wahyu yang diturunkan oleh Allah melalui surah al-Muddasir ayat 1-7 kepada Nabi Muhammad SAW?
- A Mewujudkan sebuah negara Islam
 - B Membina masyarakat Arab yang bermoral
 - C Mengetuaui kepimpinan Arab Jahiliah
 - D Menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh manusia

- 10 Apakah persetujuan yang dicapai dalam Perjanjian Aqabah Pertama?
- I Beriman kepada Allah
 - II Meninggalkan amalan jahiliah
 - III Membantu mempertahankan Islam
 - IV Menjamin keselamatan kaum Muhibbin Makkah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 11 Selepas dua tahun perjanjian Hudaibiyah dimeterai, orang Quraisy Makkah mencabuli perjanjian tersebut dengan menyokong Bani Bakar yang berperang dengan Bani Khuza'ah.
- Apakah kesan daripada pencabulan tersebut?
- A Penyebaran Islam tergendala
 - B Pembukaan semula kota Makkah
 - C Penduduk Madinah semakin terancam
 - D Penghijrahan Nabi Muhammad SAW terhalang
- 12 Bagaimanakah Saidina Abu Bakar al-Siddiq dilantik sebagai khalifah?
- A Melalui proses musyawarah
 - B Cadangan dari Nabi Muhammad SAW
 - C Pencalonan oleh sekelompok masyarakat
 - D Pemilihan daripada beberapa orang calon
- 13 Apakah kekuatan yang terdapat pada kumpulan Janissari dalam kerajaan Turki Uthmaniyyah?
- A Bijak dalam perdagangan
 - B Terlatih dalam peperangan
 - C Semangat dakwah yang tinggi
 - D Bijak dalam pentadbiran negara

14 Berikut, manakah bukti yang mengukuhkan pendapat bahawa Islam sampai ke Asia Tenggara melalui Tanah Arab?

- I Persamaan kesusasteraan
 - II Amalan menghormati tetamu
 - III Penemuan Batu Bersurat di Terengganu
 - IV Penemuan batu nisan di Jawa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15 Pedagang Islam memainkan peranan penting menyebarluaskan Islam pada peringkat awal kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Bagaimanakah mereka dapat melaksanakan peranan tersebut?

- A Mendirikan sekolah agama
- B Membuka perkampungan
- C Menerajui pentadbiran
- D Menghasilkan karya

16 Jadual berikut berkaitan dengan tokoh ulama yang terdapat di negara kita.

Tokoh ulama	Negeri
Tuk Pulau Condong	Kelantan
Tu Ku Pulau Manis	Terengganu

Apakah peranan tokoh ulama tersebut?

- A Mengetua pentadbiran daerah
- B Menjaga protokol di istana
- C Menasihati sultan
- D Menggubal undang-undang

17 Maklumat berikut berkaitan dengan pendidikan formal di Tanah Melayu

- Terdapat sukanan pelajaran
- Dilaksana secara kelas
- Pengajaran mengikut tahap

Maklumat berikut berkaitan dengan

- A Sekolah pondok
 B Pendidikan di masjid
 C Sistem madrasah
 D Pengajaran di istana

18 Maklumat berikut berkaitan jawatan dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

- Berurus dengan pedagang
- Menentukan kemajuan perdagangan

Apakah jawatan tersebut?

- A Syahbandar
 B Laksamana
 C Temenggung
 D Bendahara

19 Perjanjian Tordesillas telah ditandatangani oleh Sepanyol dan Portugal pada tahun 1494.

Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap kedua-dua buah negara?

- A Pengukuhan institusi gereja
 B Permulaan kerjasama ketenteraan
 C Perkongsian pelabuhan di timur
 D Pembahagian kawasan pengaruh

20 Apakah kesan penaklukan Sepanyol terhadap kawasan berikut pada abad ke-15?

- Mexico
- Peru

- A Taraf hidup masyarakat meningkat
 B Perdagangan antarabangsa merosot
 C Tamadun tempatan tergugat
 D Pemerintahan tempatan dikekalkan

[lihat sebelah
SULIT

21 Apakah tujuan British memperkenalkan Akta Tanah Simpanan Melayu pada tahun 1913?

- A Menyekat pemilikan tanah oleh orang Melayu
- B Mengelak orang Melayu mengusahakan tanaman komersial
- C Menghargai warisan tanah pribumi
- D Mendapat sokongan penduduk

22 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan sekolah vernakular Melayu pada akhir abad ke-19?

- A Terbuka kepada semua golongan
- B Ditadbir oleh golongan ulama
- C Dinaungi golongan pembesar
- D Pendidikan terhad di peringkat rendah

23 British telah memperkenalkan sistem birokrasi Barat di Tanah Melayu.

Mengapa sistem tersebut ditentang oleh penduduk tempatan?

- A Kegiatan ekonomi tradisional terjejas
- B Pengaruh golongan agama merosot
- C Pemimpin kehilangan kuasa
- D Tanah peribumi dirampas

24 Undang-undang di bawah telah diperkenalkan oleh British di Burma

- Akta Kampung Ulu Burma 1887
- Akta Perkampungan Burma 1889

Apakah kesan akta tersebut?

- A Mengubah warisan budaya
- B Melenyapkan pentadbiran tradisional
- C Mengiktiraf golongan agama
- D Meningkatkan taraf hidup

- 25 Jadual di bawah menerangkan novel yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu

Tajuk Novel	Keris Melaka
Pengarang	Ahmad Bakhtiar
Tahun Terbitan	1930-an

Apakah mesej yang disampaikan oleh pengarang dalam novel tersebut?

- A Perpaduan antara kaum
- B Menghargai warisan bangsa
- C Kebebasan kaum wanita
- D Menggunakan sejarah sebagai pedoman

- 26 Jadual di bawah menunjukkan kerajaan yang dibentuk oleh Tok Janggut di Pasir Putih pada tahun 1915.

Tokoh	Jawatan
Engku Besar Jeram	Raja
Che Ishak	Pegawai Daerah
Tok Janggut	X

Apakah jawatan X?

- A Menteri Besar
- B Perdana Menteri
- C Bendahara
- D Setiausaha

- 27 Bagaimakah penentuan sempadan dilakukan pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu tradisional?

- A Kesetiaan rakyat kepada pemerintah
- B Keselamatan rakyat mendiami wilayah
- C Kegiatan rakyat dalam ekonomi
- D Kebebasan rakyat menentukan pemerintahan

- 28 Undang-undang Tubuh Johor yang dikuatkuasakan pada tahun 1895 mempunyai asas bagi pembinaan negara dan bangsa.

Apakah buktinya?

- A Pemerintahan raja berkuasa mutlak
- B Pengiktirafan rakyat pelbagai kaum
- C Persamaan dengan Hukum Kanun Melaka
- D Perlembagaan bertulis yang lengkap

[lihat sebelah
SULIT

29 Apakah kesan peristiwa di bawah terhadap orang Melayu?

Tahun	Peristiwa
1946	Pengenalan Malayan Union

- A Peningkatan ekonomi
- B Perpaduan kukuh
- C Pendidikan berkembang
- D Pengukuhan kuasa sultan

30 Pada 8 Februari 1946, Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada British?

Apakah kesan sekiranya penyerahan tersebut **tidak** dilaksanakan?

- A Pembubaran Majlis Mesyuarat Negeri dilaksanakan
- B Hak penduduk peribumi diketepikan
- C Kemasukan kaum imigran akan berterusan
- D Pembentukan kerajaan sendiri menjadi kenyataan

31 Apakah kepentingan Sistem Ahli yang diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1951?

- A Mengukuhkan kuasa penjajah
- B Memelihara hak penduduk peribumi
- C Melatih pemimpin dalam pentadbiran
- D Memperaku kuasa pembesar tempatan

32 Apakah tugas Suruhanjaya Reid yang telah dibentuk di Tanah Melayu pada tahun 1956?

- A Merangka perlembagaan
- B Mengadakan Pakatan Murni
- C Merangka sistem pilihanraya
- D Melantik pegawai pentadbir awam

33 Maklumat berikut merujuk kepada penubuhan parti politik di Sabah.

Tahun	Peristiwa
1961	Parti UNKO, USNO, Parti Pasok Momugun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik membentuk Parti Perikatan Sabah

Apakah kesan penubuhan parti tersebut?

- A Menamatkan penguasaan pembesar tempatan
- B Meneruskan sistem politik tradisional

[lihat sebelah
SULIT

- C Merealisasikan pembentukan Malaysia
 D Menjayakan pengasasan Persekutuan Borneo


34 Rajah di bawah menerangkan reaksi negara-negara jiran semasa penubuhan Malaysia.



Apakah pertubuhan yang telah dibentuk untuk menyelesaikan bantahan tersebut?

- A NAM
 B ASA
 C ASEAN
 D MAPHILINDO

35 Rajah di bawah menggambarkan proses dalam satu aspek pemerintahan negara Malaysia.



Apakah aspek yang dimaksudkan?

- A Menggubal dasar negara
 B Melaksanakan arahan kementerian
 C Meluluskan sesuatu undang-undang
 D Mengendali kes rayuan di mahkamah

36 Seorang rakyat Malaysia menghadapi masalah berikut:

- Disabit dengan kesalahan jenayah oleh mahkamah.
- Diisyiharkan muflis.

Dalam sistem pilihan raya di Malaysia, individu terbabit dengan masalah di atas tidak berhak

- A menjadi calon pilihan raya
 B menganggotai parti politik
 C membuang undi
 D menjalankan tugas perayu undi

37

Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1977.

Apakah matlamat penubuhan universiti tersebut?

- A Melambangkan identiti negara
- B Memelihara keperibadian kebangsaan
- C Memperkuatkukuhkan perpaduan nasional
- D Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

38 Apakah matlamat sistem persekolahan aneka jurusan yang diperkenalkan melalui Kajian Aminuddin Baki?

- A Memperkembangkan potensi pelajar
- B Menampung pelajar gagal memasuki sekolah menengah akademik
- C Memudahkan penempatan pelajar berdasarkan kelulusan
- D Melahirkan pelajar mahir dalam bidang sains

39 Peristiwa berikut berlaku semasa Perang Dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
6 dan 8 Ogos 1945	Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki

Amerika Syarikat mengambil tindakan sedemikian kerana

- A mengelakkan perang berpanjangan
- B mengingkari Perjanjian Versailles
- C menguji kekuatan senjata
- D mengatasi masalah kemelesetan ekonomi

40 Jadual berikut berkaitan dengan dasar luar Malaysia

Dasar Luar Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Pro-Barat • Dasar berbaik-baik dengan negara jiran dan negara komanwel
-------------------------------	---

- I Memelihara imej negara
- II Ancaman keselamatan
- III Keperluan pasaran
- IV Sikap diskriminasi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

[lihat sebelah
SULIT

Bahagian A
(40 markah)
Jawab Semua Soalan

Peristiwa hijrah yang berlaku pada 1 Rabiulawal bersamaan 12 September tahun 622 M sangat penting kepada perkembangan agama Islam.

- 1 a) Apakah maksud hijrah?

.....
.....
.....

[2 markah]

- b) Nyatakan **dua** sebab Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah.

1
2
.....

[2 markah]

- c) Nyatakan strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam peristiwa hijrah.

.....
.....
.....

[2 markah]

- d) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan peristiwa hijrah kepada perkembangan Islam?

.....
.....
.....


[2 markah]

- e) Sebagai seorang pelajar, apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW?

.....
.....
.....

[2 markah]

Rajah di bawah menunjukkan antara kesan dasar ekonomi British di negara kita



- 2 (a) Nyatakan **dua** faktor yang membantu proses pembentukan pembandaran di negara kita.

1.

2.

[2 markah]

- (b) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah fungsi sesebuah bandar baru ketika itu?

.....

.....

[2 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah sistem pendidikan vernakular tidak mampu untuk memupuk perpaduan kaum?

.....

.....

[2 markah]

- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan terbentuknya masyarakat majmuk di negara kita pada zaman penjajahan British?

.....

.....

[2 markah]

- (e) Berdasarkan pengetahuan anda, nyatakan usaha-usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum melalui sistem pendidikan

.....

.....

[2 markah]

Akhbar, majalah dan novel telah melahirkan semangat kebangsaan sekitar tahun 1920-an dan 1930-an.

- 3 (a) Namakan **dua** buah akhbar yang telah diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

1 [1 markah]

2 [1 markah]

[2 markah]

- (b) Senaraikan isu ekonomi yang dibangkitkan oleh akhbar-akhbar yang diterbitkan pada masa itu.

.....

.....

[2 markah]

- (c) Sekiranya anda seorang pengarang novel ketika itu, apakah tema-tema yang dibangkitkan untuk menüpkan semangat kebangsaan penduduk tempatan?

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Sebagai generasi muda, bagaimanakah anda menzahirkan semangat patriotik terhadap negara?

.....

.....

.....

[3 markah]

Jadual berikut berkaitan dengan usaha-usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.

Peristiwa	Tahun
Pembentukan Suruhanjaya Reid	Mac 1956
Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu	Ogos 1957

- 4 a) Namakan tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Reid.

.....
.....
.....
.....
..... [1 markah]

- b) Apakah tujuan Suruhanjaya Reid dibentuk?

.....
.....
.....
.....
..... [2 markah]

- c) Nyatakan **dua** isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

1
2
.....
.....
.....
..... [2 markah]

- d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

.....
.....
.....
.....
.....
..... [3 markah]


- e) Pada pendapat anda, apakah kepentingan perlombagaan kepada sesebuah negara?

.....
.....
.....
.....
.....
..... [2 markah]

Bahagian B
(60 markah)
Jawab Tiga Soalan

- 5** Zaman peningkatan tamadun India telah memperlihatkan perkembangan dalam bidang ekonomi dan pendidikan.
- (a) Terangkan peningkatan kegiatan ekonomi yang telah dicapai dalam tamadun India. [4 markah]
- (b) Jelaskan perkembangan sistem pendidikan pada zaman tersebut. [4 markah]
- (c) (i) Apakah kesan yang akan timbul jika sesebuah negara tidak mengutamakan perkembangan pendidikan? [6 markah]
- (ii) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan masyarakat tamadun India bagi kemajuan negara kita. [6 markah]
- 6** Kerajaan Bani Abbasiyah diasaskan pada tahun 750M dan telah memberi sumbangan yang penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan kepada peradaban Islam dan Barat
- (a) Nyatakan sejarah pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah. [4 markah]
- (b) Jelaskan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam bidang keilmuan. [6 markah]
- (c) (i) Kebijaksanaan pemimpin telah berjaya membawa kerajaan Bani Abbasiyah ke puncak kegemilangan. Buktikan kebenaran penyataan tersebut. [4 markah]
- (ii) Apakah usaha yang perlu dilakukan oleh negara kita untuk menjadi pusat kecemerlangan ilmu yang terulung di dunia? [6 markah]

7



- (a) Jelaskan sebab-sebab Kerajaan Melayu Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang penting pada abad ke-15 M. [5 markah]
- (b) Jelaskan perkembangan mata wang di negeri-negeri Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga sebelum kedatangan British. [6 markah]
- (c) (i) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah bidang perdagangan antarabangsa penting bagi sesebuah negara? [5 markah]
- (ii) Sekiranya anda sebagai pemimpin negara, apakah usaha-usaha yang anda akan lakukan untuk meningkatkan sumber kewangan negara? [4 markah]
- 8 Selepas kejatuhan tamadun Rom, Eropah telah mengalami zaman Zaman Gelap.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Gelap? [4 markah]
- (b) Nyatakan ciri-ciri Zaman Gelap di Eropah. [6 markah]
- (c) (i) Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat Eropah berjaya keluar dari Zaman Gelap? [6 markah]
- (ii) Sebagai generasi muda, nyatakan peranan anda supaya Zaman Gelap tidak berlaku di negara kita. [4 markah]
- 9 Secara umumnya, perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara dibahagikan kepada dua tahap.
- (a) Jelaskan gerakan nasionalisme tahap pertama di Filipina. [4 markah]
- (b) Jelaskan faktor-faktor yang telah mencetuskan gerakan nasionalisme di Thailand. [6 markah]
- (c) (i) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kuasa Barat dalam menangani gerakan nasionalisme di Asia Tenggara. [4 markah]
- (ii) Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah semangat nasionalisme perlu ditanam dalam diri rakyat sesebuah negara? [6 markah]

10

Pilihanraya merupakan ciri penting sistem demokrasi berparlimen di Malaysia

- (a) Bagaimanakah proses pilihanraya di Malaysia dilaksanakan. [8 markah]
- (b) Nyatakan syarat-syarat yang membolehkan individu berikut terlibat dalam pilihan raya di Malaysia
- (i) Calon [4 markah]
- (ii) Pengundi [2 markah]
- (c) Berdasarkan pemerhatian anda, nyatakan kepentingan sistem pilihan raya di negara kita. [6 markah]
- 11 Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor yang menentukan corak dan arah dasar luar negara.
- (a) Terangkan asas-asas penggubalan dasar luar Malaysia. [6 markah]
- (b) Jelaskan perkembangan dasar luar Malaysia pada tahap pertama. [4 markah]
- (c) i) Nyatakan kepentingan dasar luar Malaysia untuk meningkatkan ketamadunan bangsa dan negara. [5 markah]
- ii) Seandainya anda seorang pemimpin, cadangkan langkah-langkah untuk mengeratkan hubungan dengan negara luar. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAN KECEMERLANGAN 9

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1249/3

SEJARAH

Kertas 3

Julai

3 jam

Tiga jam

1. *Kertas soalan ini mengandungi satu **Tema Umum**.*
2. *Calon dikehendaki membaca dan meneliti **Tema Umum** tersebut dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.*
3. *Kertas soalan ini mestilah diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

*http://edu.joshuatly.com/
facebook.com/edu.joshuatly*

ARAHAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah memastikan tema umum diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.
2. Guru hendaklah menerangkan kepada calon tentang tema umum supaya calon membuat persediaan untuk menjawab soalan bagi **tugas spesifik** dalam Sejarah 1249/3 yang akan diberikan pada hari peperiksaan.
3. Guru dibenarkan untuk membimbing calon dalam penyediaan dan pemilihan bahan rujukan sebelum hari peperiksaan.
4. Guru hendaklah menasihati calon memilih bahan rujukan yang sesuai, mengenal pasti kedudukan setiap maklumat di dalam sumber supaya tidak membuang masa untuk mencari maklumat pada hari peperiksaan.
5. Guru hendaklah menasihati calon agar membuat salinan sumber maklumat berkaitan yang diperoleh daripada buku ilmiah, majalah dan surat khabar untuk menjimatkan ruang di atas meja pada hari peperiksaan.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Calon dikehendaki membaca dan meneliti **tema umum** dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.
2. Calon boleh berbincang dengan guru dan rakan-rakan untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat berkaitan.
3. Calon boleh membuat rujukan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan tema umum yang diberi sebagai persediaan menjawab soalan bagi **tugas spesifik** dalam Sejarah 1249/3.
4. Calon boleh mendapatkan sumber maklumat daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, akhbar, internet dan bahan-bahan yang berkaitan.
5. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
6. Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
7. Penggunaan bahan rujukan semasa peperiksaan hendaklah tidak mengganggu calon lain.

TEMA UMUM: Perkembangan di Eropah dan kesannya terhadap Ekonomi Negara

Selepas kejatuhan tamadun Rom, bermulalah Zaman Pertengahan di Eropah. Zaman Pertengahan ini telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat dan budaya Eropah serta dunia amnya.

KERTAS SOALAN TAMAT

TUGASAN SPESIFIK

Selepas kejatuhan tamadun Rom, bermulalah Zaman Pertengahan di Eropah. Zaman Pertengahan ini telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat dan budaya Eropah serta dunia amnya.

Bincangkan perubahan yang berlaku di Eropah bermula daripada Zaman Gelap sehingga tercetusnya Zaman Renaissance dan hubungkaitkan dengan kegemilangan negara kita, Malaysia.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Maksud Zaman Gelap dan Zaman Renaissance	5 markah
Isi dan Huraian	2. Menjelaskan ciri-ciri : (a) Zaman Gelap (12 M) (b) Zaman Kemuncak Pertengahan (8 M)	20 markah
	3. Faktor tercetusnya Zaman Renaissance pada abad ke-16 di Eropah	20 markah
	4. Kesan Zaman Renaissance terhadap masyarakat Eropah.	15 markah
	5. Kejayaan Malaysia setelah memanfaatkan pencapaian masyarakat Eropah pada Zaman Renaissance.	10 markah
	6. Peranan generasi muda untuk menjadikan Malaysia mampu mencapai kemajuan setaraf negara Eropah.	10 markah
	7. Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia untuk mencapai taraf negara maju dan langkah-langkah untuk mengatasinya.	10 markah
	8. Nilai-nilai murni / iktibar / patriotisme daripada Zaman Gelap dan Zaman Renaissance di Eropah bagi meningkatkan kecemerlangan diri	5 markah
Kesimpulan	9. Kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan: (a) Pengetahuan yang diperoleh. (b) Iktibar kepada diri, bangsa dan negara. (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia lebih cemerlang	5 markah

KERTAS SOALAN TAMAT

PERATURAN PEMARKAHAN

Peperiksaan BK 9 Tingkatan Lima 2014

Kertas 1

No.Soalan	Jawapan	No.Soalan	Jawapan
1	A	21	B
2	D	22	D
3	C	23	C
4	B	24	B
5	C	25	D
6	A	26	B
7	D	27	A
8	B	28	D
9	D	29	B
10	A	30	D
11	B	31	C
12	A	32	A
13	B	33	C
14	A	34	D
15	B	35	C
16	C	36	A
17	C	37	D
18	A	38	B
19	D	39	A
20	C	40	C

1(a) Apakah maksud hijrah?

Kod	Butiran	Markah
F1	Berpindah	1
F2	Perpindahan dari satu tempat ke tempat lain	1
F3	Perpindahan orang Islam dari Makkah ke Madinah	1
F4	Perjuangan untuk menegakkan kebenaran	1
F5	Meninggalkan keburukan / kejahatan	1
F6	Semangat ingin berubah	1
F7	Perubahan sikap / cara berfikir / tingkah laku	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(b) Nyatakan **dua** sebab Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah.

Kod	Butiran	Markah
F1	Perintah Allah melalui wahyu	1
F2	Niat / pakatan orang Quraisy untuk membunuh baginda	1
F3	Untuk meneruskan penyebaran Islam	1
F4	Ancaman / penindasan daripada orang Arab Quraisy	1
F5	Strategi Nabi Muhammad SAW untuk mengembangkan Islam	1
F6	Nabi Muhammad SAW memerlukan tempat baru / suasana aman bagi memudahkan penyampaian dakwah	1
F7	Mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang bersatu padu dan sempurna	1
F8	Jemputan masyarakat Arab Madinah	1
F9	Masyarakat Madinah memerlukan pemimpin berkualiti untuk memimpin mereka	1
F10	Mendamaikan masyarakat Madinah yang sentiasa bermusuhan	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(c) Nyatakan strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam peristiwa hijrah.

Kod	Butiran	Markah
F1	Baginda tidak terus berangkat ke Madinah, sebaliknya bersembunyi dahulu di Gua Thur	1
F2	Baginda memilih jalan lain / Jalan ke Selatan menuju Tihamah berhampiran Laut Merah	1
F3	Pada pendapat baginda jalan ke Madinah menerusi utara Makkah tidak selamat	1
F4	Baginda menggalakkan umatnya berhijrah secara berperingkat-peringkat	1
F5	Baginda berhijrah pada waktu malam	1
F6	Bertukar tempat tidur dengan Syaidina Ali untuk mengelirukan orang Arab Quraisy	1
F7	Menugaskan Asma' binti Abu Bakar membekalkan makanan / menyampaikan berita tentang gerakan orang Quraisy	1
F8	Amir bin Fuhairah membekalkan susu	
F9	Abdullah bin Arqat sebagai jurupandu	1
F10	Abdullah bin Abu Bakar ditugaskan mengintip orang Quraisy yang ingin menjelaki baginda	1
	Mana-mana jawapan munasabah	
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

- (d) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan peristiwa hijrah kepada perkembangan Islam?

Kod	Butiran	Markah
F1	Dakwah Islamiah dapat dilakukan dengan aman / tanpa berselindung	1
F2	Dapat mendamaikan suku Arab di Madinah yang sering bersengketa	1
F3	Mewujudkan semangat persaudaraan sesama Islam / antara Islam Makkah dengan orang Islam Madinah / Muhajirin dan Ansar	1
F4	Menyatukan golongan yang sebelum ini mempunyai perbezaan dari segi kedudukan ekonomi dan fizikal	1
F5	Menyatupadukan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai suku / budaya / agama	1
F6	Masyarakat Madinah dapat menikmati kesejahteraan / kemakmuran hidup	1
F7	Masjid Nabawi dibina sebagai tempat untuk beribadat / bertemu / berbincang masalah.	1
F8	Wujudnya kiraan tahun Hijrah dalam takwim Islam.	1
F9	Sambutan Maal Hijrah diadakan untuk memperingati perjuangan umat Islam terdahulu.	1
F10	Nama Yathrib ditukar kepada Madinah al Munawwarah.	1
F11	Madinah menjadi pusat tamadun Islam	1
F12	Menunjukkan sikap toleransi kaum / tolong-menolong antara kaum	1
F13	Menunjukkan sikap sedia berkorban / bekerjasama untuk membangunkan negara	1
F14	Menunjukkan pengorbanan sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW / Sanggup bergadai nyawa dan harta.	1
F15	Menunjukkan wanita berperanan penting untuk menggerakkan kemajuan negara.	1
F16	Mempamerkan ketabahan hati / kebesaran jiwa Nabi Muhammad SAW	1
F17	Menunjukkan kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW mengatur strategi perjuangan (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

- (e) Sebagai seorang pelajar, apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW?

Kod	Butiran	Markah
F1	Berani / bijak membuat keputusan	1
F2	Bersedia / sanggup menghadapi cabaran	1
F3	Berani mengambil risiko	1
F4	Bijak / berupaya mengatur strategi perjuangan	1
F5	Ikhlas dalam perjuangan / berkorban demi menegakkan kebenaran	1
F6	Bersikap positif	1
F7	Berusaha untuk menyatupadukan masyarakat (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

2 (a) Nyatakan **dua** faktor yang membantu proses pembentukan pembandaran di negara kita .

Kod	Butiran	Markah
F1	Pertambahan fungsi ekonomi	1
F2	Kawasan yang kaya dengan sumber semulajadi	1
F3	Kawasan yang menjadi pusat kegiatan ekonomi penjajah	1
F4	Kawasan yang hampir dengan kawasan perlombongan / tempat pengumpulan hasil lombong bijih timah	1
F5	Pertambahan penduduk	1
F6	Tempat mendapatkan keperluan harian	1
F7	Perkembangan perlombongan petroleum	1
F8	Adanya kemudahan sistem pengangkutan dan perhubungan	1
F9	Kedudukan strategik / penghubung dengan kawasan lain	1
F10	Perkembangan pertanian komersial / getah	1
F11	Kawasan pelabuhan	1
F12	Pusat pengumpulan / pengeksport hasil seperti lada hitam / gambir	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(b) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah fungsi sesebuah bandar baru ketika itu?

Kod	Butiran	Markah
F1	Menjadi pusat perniagaan	1
F2	Berperanan sebagai pusat pentadbiran	1
F3	Dilengkapi kemudahan infrastruktur yang baik	1
F4	Terdapat pusat kesihatan	1
F5	Wujud institusi kewangan / pusat perbankan	1
F6	Menjadi pusat kegiatan ekonomi penjajah	1
F7	Sebagai pusat pengumpulan hasil lombong	1
F8	Tempat mendapatkan keperluan harian (mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah sistem pendidikan vernakular tidak mampu untuk memupuk perpaduan kaum?

Kod	Butiran	Markah
F1	Penggunaan bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar	1
F2	Murid-murid daripada pelbagai kaum dipisahkan	1
F3	Tidak melalui sistem pendidikan yang sama	1
F4	Kurikulum yang berbeza	1
F5	Diurus mengikut kepentingan kaum masing-masing	1
F6	Buku yang digunakan dibawa daripada negara asal	1
F7	Guru yang mengajar juga daripada negara asal mereka / dari India / dari China (mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan terbentuknya masyarakat majmuk di negara kita pada zaman penjajahan British?

Kod	Butiran	Markah
F1	Pendidikan Vernakular yang memisahkan antara kaum	1
F2	Pembahagian pekerjaan mengikut kaum	1
F3	Pembahagian tempat tinggal / petempatan mengikut kaum	1
F4	Bahasa pertuturan yang berbeza	1
F5	Tiada kesepaduan / interaksi antara kaum	1
F6	Pembangunan yang tidak seimbang (mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

- (e) Berdasarkan pengetahuan anda, nyatakan usaha-usaha kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum melalui sistem pendidikan

Kod	Butiran	Markah
F1	Kurikulum yang sama	1
F2	Kegiatan kokurikulum / perkhemahan yang melibatkan semua kaum	1
F3	Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar	1
F4	Aktiviti sukan melibatkan semua kaum	1
F5	Program mentor mentee guru-pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum	1
F6	Dialog peradaban / forum mengenali budaya kaum lain	1
F7	Sambutan Bulan Kemerdekaan / Bulan Patriotik	1
F8	Memperbanyak sekolah wawasan	1
F9	Pemakaian uniform sekolah yang seragam	1
F10	Peperiksaan awam yang selaras	1
F11	Hari Kantine / Minggu Keusahawanan / Hari koperasi (mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

3(a) Namakan dua buah akhbar yang telah diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

Kod	Butiran	Markah
F1	Warta Malaya	1
F2	Lembaga Malaya	1
F3	Majlis	1
F4	Utusan Melayu	1
F5	Warta Negara	1
F6	Fajar Sarawak	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(b) Senaraikan isu ekonomi yang dibangkitkan oleh akhbar-akhbar yang diterbitkan pada masa itu.

Kod	Butiran	Markah
F1	Menggalakkan syarikat kerjasama	1
F2	Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang kerana mengancam ekonomi tempatan	1
F3	Menggalakkan perniagaan di kalangan orang Melayu	1
F4	Melarang orang Melayu daripada menjual tanah	1
F5	Menyeru orang Melayu berjimat cermat	1
F6	Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2 m]

(c) Sekiranya anda seorang pengarang novel ketika itu, apakah tema-tema yang dibangkitkan untuk menüpakan semangat kebangsaan penduduk tempatan?

Kod	Butiran	Markah
F1	Semangat cintakan akan tanah air	1
F2	Menghargai warisan bangsa	1
F3	Berbangga dengan kebolehan sendiri	1
F4	Mementingkan pendidikan	1
F5	Membuang pandangan negatif yang menghalang kemajuan	1
F6	Menghargai sumbangan tokoh masa lampau	1
F7	Menjadi sejarah sebagai inspirasi dan pedoman	1
F8	Menolak kesenangan demi maruah bangsa	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3 m]

(d) Sebagai generasi muda, bagaimanakah anda menzahirkan semangat patriotik terhadap negara?

Kod	Butiran	Markah
F1	Menghormati lagu kebangsaan / tidak mempersendakan lagu kebangsaan	1
F2	Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara	1
F3	Melibatkan diri dalam sambutan Hari Kebangsaan	1
F4	Mengibarkan bendera di kelas / rumah / kenderaan / premis / pejabat	1
F5	Menghormati lambang-lambang negara / jata negara / bendera negara	1
F6	Mempertahan warisan budaya bangsa	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3 m]

4 (a) Namakan tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Reid.

Kod	Butiran	Markah
F1	Lord Reid	1
F2	Sir Ivor Jennings	1
F3	Sir William McKell	1
F4	Tuan B. Malik	1
F5	Tuan Abdul Hamid	1
	[Mana-mana 1 x 1m]	[Mak 1m]

(b) Apakah tujuan suruhanjaya Reid dibentuk?

Kod	Butiran	Markah
F1	Merangka perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka	1
F2	Membincangkan perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka	1
F3	Menyusun perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka	1
F4	Meneliti isu-isu yang dibangkitkan / isu kedudukan Raja-raja Melayu / isu hak istimewa orang Melayu / kewujudan satu bangsa	1
F5	Menerima memorandum daripada pelbagai pihak	1
F6	Menerbitkan cadangan-cadangan kepada parlimen British	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

(c) Nyatakan **dua** isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Kod	Butiran	Markah
F1	Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan	1
F2	Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri	1
F3	Mewujudkan Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri	1
F4	Institusi Raja Berperlombagaan pada peringkat negeri dan negara	1
F5	Tiga jenis kerakyatan diwujudkan	1
F6	Secara Kuat Kuasa Undang-undang / Permohonan / Naturalisasi	1
F7	Prinsip <i>jus soli</i> diterima	1
F8	Kedudukan istimewa orang Melayu	1
F9	Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan	1
F10	Tanah Simpanan Melayu dikekalkan	1
F11	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
F12	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara	1
F13	Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen	1
F14	Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen	1
F15	Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran di peringkat negeri	1
F16	Menteri Besar dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO	1
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

Kod	Butiran	Markah
F1	Terbentuknya kerajaan bercorak demokrasi	1
F2	Mewujudkan konsep Raja Berperlembagaan	1
F3	Melahirkan kesepakatan antara pemimpin Melayu dan bukan Melayu	1
F4	Mewujudkan perpaduan yang jitu	1
F5	Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa pertumpahan darah	1
F6	Memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan mentadbir negara	1
F7	Membentuk negara merdeka / berdaulat mengikut acuan sendiri	1
F8	Melahirkan identiti masyarakat yang merdeka	1
F9	Perbezaan warna kulit / agama / bangsa diketepikan	1
F10	Rakyat menikmati keamanan / kemakmuran	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 3 x 1m]	[3m]

- (e) Pada pendapat anda, apakah kepentingan perlombagaan kepada sesebuah negara?

Kod	Butiran	Markah
F1	Menjamin kestabilan negara	1
F2	Menentukan rangka dan bentuk pentadbiran	1
F3	Menjamin kecekapan / kejujuran / keadilan / ketelusan	1
F4	Melicinkan pentadbiran / pemerintahan	1
F5	Menjadi panduan pentadbiran / pemerintahan	1
F6	Menjamin taat setia rakyat	1
F7	Meningkatkan semangat patriotisme	1
F8	Menjamin hak asasi / kebebasan rakyat	1
F9	Menjamin kerjasama / kesepakatan / kepentingan bersama	1
F10	Panduan untuk meminda perlombagaan	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	[Mana-mana 2 x 1m]	[2m]

5(a) Terangkan peningkatan kegiatan ekonomi yang telah dicapai dalam tamadun India.

Kod	Butiran	Markah
F1	Kepesatan perdagangan	1
H1a	Melibatkan perdagangan dalaman	1
H1b	Antara kawasan di dalam wilayah India	1
H1c	Melibatkan perdagangan luar	1
H1d	Mecedonia / Sri Lanka / Asia Tengah / Asia Tenggara / Rom	1
F2	Pusat perdagangan penting	1
H2a	Anga / Kalinga / Karusa	1
H2b	Menghasilkan senjata / gading gajah / emas / berlian / mutiara	1
F3	Pelabuhan penting	1
H3a	Tamralipti / Ghantashala / Kadura / Broach / Chaul / Kalyan / Cambay	1
F4	Persatuan perdagangan / perusahaan	1
H4a	Dikenali sebagai sresthin di setiap bandar	1
H4b	Persatuan tukang kayu	1
H4c	Persatuan tukang logam	1
H4d	Persatuan tukang kulit	1
H4e	Matlamat untuk mengawal harga	1
H4f	Mengawal kualiti barang	1
H4g	Mengawal gaji pekerja	1
H4h	Penggubalan undang-undang untuk mengawal persatuan	1
H4i	Pelaksanaan undang-undang diawasi oleh raja	1
F5	Penggunaan mata wang	1
H5a	Digunakan sebagai medium jual beli	1
H5b	Semasa Zaman Gupta mata wang emas digunakan	1
H5c	Syiling emas zaman Gupta dikenali sebagai Dinara	1
H5d	Terdapat wang perak	1
H5e	Wang siput cengkerang	1
F6	Perkembangan sektor perusahaan	1
H6a	Pengeluaran tekstil / kain kapas / sutera / barang emas / mutiara / batu permata	1
H6b	Perusahaan sutera berpusat di Bengal / Benares	1
F7	Sistem cukai	1
H7a	Cukai pada hasil perdagangan	1
H7b	Seperti hasil pertanian / buah-buahan	1
H7c	Tujuan cukai menyara anggota tentera / para pentadbir / raja	1
F8	Perdagangan maritim	1
H8a	Dengan Alam Melayu	1
H8b	Meningkat pada zaman Gupta	1
H8c	Memperolehi rempah / bedak wangi / gading gajah / besi	1
H8d	Perdagangan dengan China	1
H8e	Memperolehi tembikar / kaca / minyak wangi / tekstil	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4 m]

- (b) Jelaskan perkembangan sistem pendidikan pada zaman tersebut.

Kod	Butiran	Markah
F1	Bermula pada Zaman Vedik	1
F2	Tumpuan pendidikan mempelajari agama	1
F3	Agama Hindu menjadi teras	1
F4	Mempelajari kitab-kitab Veda	1
F5	Menyediakan manusia menghadapi hari selepas mati	1
F6	Segala hukum hakam dipelajari	1
F7	Supaya dapat hidup sempurna dengan nilai-nilai murni	1
F8	Pendidikan dikuasai oleh golongan lelaki	1
F9	Golongan wanita tidak berpeluang menerima pendidikan	1
F10	Bahasa pengantar ialah bahasa Sanskrit	1
F11	Menggunakan kaedah hafalan	1
F12	Lokasi pendidikan zaman awal di istana / rumah	1
F13	Pendidikan tinggi di Kolej Brahman	1
F14	Lahir universiti agama Buddha iaitu Nalanda / Taxila	1
F15	Untuk mencapai taraf Brahmin harus menghafal buku-buku agama	1
F16	khususnya Veda yang mengandungi peraturan ritual / mentera / lagu-lagu agama	1
F17	Mempelajari karya saintifik / falsafah	1
F18	Untuk meningkatkan ilmu sains	1
F19	Matlamat pendidikan zaman seterusnya bertujuan untuk menambah ilmu / mengatasi buta huruf / untuk mendapatkan jawatan kerajaan	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4 m]

- (c) (i) Apakah kesan yang akan timbul jika sebuah negara tidak mengutamakan perkembangan pendidikan?

Kod	Butiran	Markah
F1	Pembangunan negara akan terbantut	1
F2	Masyarakat kurang ilmu pengetahuan	1
F3	Ekonomi tidak berkembang	1
F4	Tidak wujud generasi yang mampu memajukan negara	1
F5	Akan berlaku zaman gelap	1
F6	Permodenan tidak berlaku	1
F7	Negara akan ketinggalan dalam bidang teknologi	1
F8	Pentadbiran negara tidak teratur	1
F9	Tiada pelapis pemimpin berwibawa (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	[6m]

- (c) (ii) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan masyarakat tamadun India bagi kemajuan negara kita

Kod	Butiran	Markah
F1	Pentingnya memajukan pendidikan	1
F2	Pentingnya memajukan ekonomi negara	1
F3	Perlunya kepada pemimpin berwibawa yang dapat memacu kemajuan	1
F4	Pentingnya pendidikan keagamaan bagi membentuk masyarakat harmoni	1
F5	Masalah buta huruf mesti dibasmikan	1
F6	Perlunya ditubuhkan pusat-pusat pendidikan disemua peringkat	1

F7	Pentingnya undang-undang yang mantap	1
F8	Mengenakan kadar cukai yang berpatutan	1
F9	Mempelbagaikan hasil keluaran negara	1
F10	Menjalin hubungan dengan negara luar dalam pelbagai bidang (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 6 x 1m]	
	[6m]	

6 (a) Nyatakan sejarah pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah.

Kod	Butiran	Markah
F1	Wujud penentangan dalaman dan luaran terhadap kerajaan Bani Umayyah	1
F2	Gerakan / Revolusi Abbasiyah berjaya menumbangkan kerajaan Bani Umayyah	1
F3	Gerakan ini ditaja oleh Ali bin Abdullah	1
F4	Bergerak secara sulit	1
F5	Zaman Khalifah Umar Abdul Aziz, gerakan ini dikendalikan secara terbuka	1
F6	Kempen atas nama Ahlul Bait / keluarga Nabi Muhammad SAW	1
F7	Tindakan ini adalah untuk mendapat sokongan	1
F8	Menjadikan Khurasan, Kufah dan Humaimah sebagai pusat operasi	1
F9	Gerakan ini diperkuuhkan dengan keanggotaan dua orang pahlawan besar	1
F10	Abu Salamah al-Khallal telah mengetuai gerakan di Kufah	1
F11	Abu Muslim al-Khurasani yang menjadi ketua di Khurasan	1
F12	Kerajaan ini mengambil sempena nama al Abbas, bapa saudara nabi .	1
F13	Kerajaan ini mengamalkan pemerintahan bercorak sistem warisan / sistem monarki / sistem pemerintahan berketurunan raja	1
F14	Semasa Abu Jaafar al Mansur memerintah, pusat pemerintahan telah diubah dari Damsyik ke Baghdad	1
F15	Kerajaan ini berakhir pada tahun 1258 M apabila ibu kotanya ditawan tentera Mongol / Hulagu Khan	1
	[Mana-mana 4 x 1m]	[4m]

(b) Jelaskan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam bidang keilmuan.

Kod	Butiran	Markah
F1	Kota Baghdad memainkan peranan sebagai pusat intelektual / penyebaran ilmu	1
F2	Berlaku kegiatan penulisan dan penterjemahan karya asing ke dalam bahasa Arab	1
F3	Di Baghdad telah dibina Baitulhikmah / Institusi keilmuan	1
F4	Baitulhikmah diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rasyid	1
F5	Institusi ini berkembang semasa pemerintahan Khalifah al-Makmun	1
F6	Penterjemahan karya falsafah dan sains terutamanya daripada bahasa Yunani	1
F7	Kegiatan penulisan dilakukan mengikut tiga tahap	1
F8	Pertama, mencatat segala idea / percakapan	1
F9	Kedua, mengumpulkan idea yang serupa / mengumpulkan hadis	1
F10	Ketiga, mengarang	1
F11	Penglibatan golongan ulama dalam penulisan	1
F12	Ramai ulama mula menyusun hadis	1
F13	Menghasilkan penulisan dalam bidang fikah / tafsir / sejarah.	1
F14	Antara ulama terkenal Imam Malik / Ibn Ishaq / Abu Hanifah / Imam Syafi'i / Iman Ahmad dan Hanbal.	1
F15	Terdapat pemisahan antara ilmu tafsir, ilmu sirah dan ilmu hadith	1
F16	Kegiatan penterjemahan juga berlaku daripada bahasa Sanskrit / Suriani / Yunani.	1
F17	Membuat pembaharuan dalam karya yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab	1
